

13/02/2004

Usah biar sogokan jadi budaya

PADA era pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad, negara mencipta nama dan Malaysia dikenali di seluruh dunia. Kejayaan beliau membangunkan ekonomi dan meletakkan martabat Malaysia antara negara membangun yang berjaya memberi impak besar kepada peranan Malaysia yang penting pada arena antarabangsa.

Malaysia muncul sebagai negara contoh di kalangan negara dunia ketiga, khususnya negara Islam. Malaysia melonjak pada kedudukan negara perdagangan yang ke-17, iaitu satu-satunya negara Islam yang berjaya menduduki tempat tertinggi dalam bidang perdagangan antarabangsa.

Struktur ekonomi Malaysia telah berubah daripada negara pertanian yang bergantung kepada eksport bahan mentah kepada negara perindustrian yang mengeksport barang pembuatan dan barangan elektronik terbesar.

Malaysia boleh dikatakan sebuah negara yang tidak sangat bergantung kepada pertolongan. Ia boleh tegak sendiri dan mampu berhadapan cabaran global seperti berlaku ketika krisis mata wang. Bahkan, Malaysia mampu menolak bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) untuk memulihkan ekonominya.

Sesungguhnya, kejayaan negara di bawah kepemimpinan Dr Mahathir cukup besar dan bermakna. Apa lagi pendirian tegasnya terhadap isu-isu antarabangsa, dihormati dan mendapat sanjungan negara sedang membangun, khususnya negara Islam.

Di samping usaha yang dilaksanakan pada era Dr Mahathir itu perlu diteruskan sehingga negara ini mencapai status negara maju sepenuhnya, langkah memantapkan kejayaan yang dicapai sangat diperlukan pada zaman pasca Dr Mahathir.

Malaysia di bawah pemerintahan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memerlukan langkah konsolidasi supaya kejayaan yang dicapai akan lebih mantap dan seimbang serta menampakkan wajah kemajuan mengikut acuan sendiri.

Usaha pemantapan paling utama ialah membendung rasuah dan amalan rasuah di kalangan kakitangan kerajaan dan swasta. Abdullah mengambil langkah bijak dan tepat apabila memulakan tanggungjawab beliau sebagai Perdana Menteri dengan memberi tumpuan kepada masalah rasuah.

Keadaan rasuah dalam sesebuah negara boleh diklasifikasikan kepada dua. Pertama, rasuah berlaku sebagai pelanggaran kepada undang-undang dan kedua, rasuah telah menjadi budaya. Apabila rasuah di dalam sesebuah negara menjadi budaya, keadaan rasuah menjadi kronik dan sukar dibendung.

Di negara ini, rasuah belum lagi menjadi budaya. Namun, ia menjadi amalan pelanggaran undang-undang yang serius.

Jika usaha bersungguh-sungguh untuk membendung rasuah tidak dilakukan, ia akan menjadi lebih serius dan berkembang menjadi budaya. Usaha membendung rasuah akan menjadi bertambah sukar.

Rasuah mempunyai kaitan rapat dengan penguatkuasaan. Jika rasuah berleluasa, penguatkuasaan tidak berkesan, undang-undang tidak bermakna lagi. Tanpa undang-undang dipatuhi dan disegani, hidup menjadi pincang dan penjenayah menjadi berani.

Negara akan berhadapan dengan ancaman jenayah. Peningkatan kadar jenayah di negara ini akhir-akhir ini memberi amaran terhadap bahaya rasuah dan keberkesanan penguatkuasaan.

Antara faktor peningkatan kadar jenayah ialah kegagalan membendung permasalahan penyalahgunaan dadah di kalangan remaja. Pengedaran dadah

yang berleluasa mempunyai kaitan dengan rasuah.

Walaupun sukar dibuktikan, umum mengetahui bahawa pengedar dadah sanggup melakukan apa saja untuk membolosi sekatan dan menjayakan aktiviti penyeludupan dan pengedaran dadah.

Negara yang sedang pesat membangun mempunyai pelbagai projek pembangunan yang kecil dan besar. Pemberian tender untuk menyiapkan projek yang dirancang adalah segi tiga emas untuk pengusaha dan pihak berkuasa tertentu, menjalankan aktiviti rasuah.

Kedua-dua pihak ini kelihatan bergaya, jujur dan ternama dalam masyarakat. Sungguh pun kegiatan mereka sukar dikesan, amalan rasuah di kalangan sebahagian mereka telah menjadi rahsia umum.

Usaha mengukuhkan kemajuan yang dicapai selama pemerintahan Dr Mahathir perlu dimulakan dengan kesungguhan membendung gejala rasuah dalam masyarakat. Yang memainkan peranan penting dalam usaha ini ialah agensi pelaksanaan.

Kerajaan di bawah kepemimpinan Abdullah nampaknya memahami keperluan ini dan telah mengumumkan penubuhan suruhanjaya bagi mengkaji peranan polis secara keseluruhannya.

Langkah yang diambil kerajaan itu sangat dialu-alukan supaya tidak berlaku apa yang dinyatakan di dalam pepatah Melayu 'harapkan pagar, pagar makan padi.'

Penemuan oleh suruhanjaya itu nanti akan dapat dijadikan asas bagi memperbaiki dan mengukuhkan institusi kepolisian yang memainkan peranan penting dalam penguatkuasaan undang-undang.

Diharapkan suruhanjaya ini akan mencadangkan mekanisme yang berkesan bagi membersihkan polis daripada gejala rasuah dan menjadikan institusi kepolisian lebih digeruni dan dihormati oleh masyarakat.

Selain daripada usaha membendung rasuah, pembangunan negara perlu dimantapkan dengan langkah menyediakan pekerjaan yang mencukupi bagi mengatasi masalah pengangguran di kalangan rakyat, terutama di kalangan graduan universiti.

Kurikulum pengajian di universiti yang mesra pasaran perlu diperkukuhkan supaya graduan dapat diserapkan ke dalam lapangan pekerjaan dengan lebih mudah atau memulakan perniagaan sendiri bagi memperluaskan kegiatan keusahawanan, terutama di kalangan masyarakat Bumiputera.

Dalam pelaksanaan dasar penswastaan, sektor awam menjadi bertambah kecil berbanding swasta. Sektor kerajaan dapat mengurangkan kos pengurusan yang banyak dengan kejayaan pelaksanaan dasar itu.

Malah, pendapatan kerajaan bertambah dengan penghasilan cukai daripada syarikat yang diswastakan itu. Tidak berapa lama lagi, dijangkakan kerajaan mampu menghasilkan bajet yang seimbang.

Kemantapan kewangan kerajaan memungkinkannya merancang pelbagai program bagi mengatasi masalah pengangguran di kalangan graduan universiti secara berkesan. Kerajaan patut merancang dan melaksanakannya dengan segera supaya masalah pengangguran di kalangan graduan, tidak menimbulkan masalah politik dan sosial yang boleh menggugat kestabilan negara.

Kerajaan tidak harus lupa bahawa asas kukuh pembangunan negara ini bukan saja kerana kejayaan di lapangan pendidikan, tetapi juga kejayaan menyediakan pekerjaan yang cukup bagi setiap graduan yang dikeluarkan oleh institut pengajian tinggi. Asas kukuh ini tidak wajar dilupakan dalam usaha mengukuhkan kemajuan yang dicapai oleh negara kini.

Kajian mengenai pekerjaan dan klasifikasi pekerjaan yang dapat mencungkil pekerjaan strategik di masa akan datang perlu dilakukan supaya prasarana dan persiapan awal untuk pekerjaan strategik itu boleh dimulakan. Bahkan kurikulum pendidikan yang mesra pasaran perlu dirangka lebih awal untuk menyesuaikan dengan keadaan pasaran di masa hadapan.

Apabila terbentuk keadaan yang dijangkakan itu, kurikulum itu boleh

dilaksanakan dan dalam beberapa tahun boleh mengeluarkan graduan yang mampu memenuhi kehendak pasaran ketika itu.

Ilmu pengetahuan bukan semata-mata dipelajari untuk mengetahui, tetapi untuk beramal. Ia hendaklah sesuai diterjemahkan ke dalam pekerjaan yang mendatangkan manfaat kepada kehidupan di dunia dan akhirat.

Hikmah di dalam tamadun Islam menyebut bahawa ilmu tanpa pekerjaan adalah seperti pokok yang tidak berbuah dan ilmu diklasifikasikan kepada ilmu yang berguna dan ilmu yang tidak berguna.

Masyarakat diingatkan supaya menimba ilmu yang berguna dan menghindarkan ilmu yang tidak berguna.

Justeru, kurikulum pendidikan di universiti tidak seharusnya dirangka semata-mata untuk memberikan ilmu, tetapi hendaklah berorientasikan ilmu yang berguna dan berupaya mewujudkan pekerjaan atau memenuhi keperluan pekerjaan di pasaran.

Hubungan ilmu dengan keimanan dan amal soleh dalam kehidupan Islam sangat penting dan penerapan nilai Islam mestilah memberi penekanan kepada aspek yang penting ini.

Amal soleh bukan wirid dan doa semata-mata, tetapi pekerjaan yang dapat memenuhi keperluan hidup manusia yang meletakkannya dalam kehidupan bermaruah dan mendatangkan manfaat kepada agama dan kemanusiaan.